

# PM seronok bercuti di Itali

17 JUN 2000

Oleh RAMLI ABDUL KARIM  
Foto ihsan DATUK MOKHZANI  
MAHATHIR

**K**UALA LUMPUR 3 Julai – Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang selamat pulang ke tanah air pagi ini, menghabiskan percutian lebih seminggu di Itali dengan pelbagai aktiviti khususnya belayar di Laut Mediterranean.

Beliau yang tiba bersama-sama isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Napoli pada 24 Jun lalu mengelilingi kepulauan Mediterranean dengan menaiki bot Pershing 54 yang disewa khas.

Anak Perdana Menteri, Datuk Mokhzani yang kini berada di Perancis selepas menyertai percutian bapanya memberitahu *Utusan Malaysia*, Dr. Mahathir seronok dan ceria sepanjang percutian itu.

Menurut beliau, sepanjang bercuti, Perdana Menteri dan Dr. Siti Hasmah dalam keadaan sihat dan gembira mengisi atur cara kegiatannya.

“Tiada langsung nampak tanda tekanan di wajahnya, sebaliknya wajah beliau sentiasa kelihatan ceria, riang dan seronok,” katanya ketika dihubungi, malam ini.

Selain Mokhzani dan isterinya, Datin Mastisa Mohamed yang berlepas ke Napoli pada 27 Jun lalu, turut berada di sisi Dr. Mahathir ketika di Itali ialah adiknya, Mukhriz yang sebelum itu sedang bercuti di London.

Menurut Mokhzani, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah menghabiskan banyak masa di atas bot di lautan termasuk tidur dan makan.

Katanya, mereka berdua yang turut diiringi doktor peribadi, Datuk Dr. Zainal Abidin Abdul Hamid dan pengawal-pengawal peribadi juga tidak melepaskan peluang singgah menikmati keindahan panorama serta keunikan pulau-pulau di Laut Mediterranean termasuk Pulau Ischia.

“Di Pulau Ischia, saya sudahpun tiba untuk bersama-sama mereka dan kami meluangkan banyak masa untuk bersiar-siar termasuk membeli belah.

“Di pulau itu, bapa saya tidak melepaskan peluang melawat kedai-kedai cenderamata termasuk barangan antik dan kristal,” katanya.

Perdana Menteri berlepas meninggalkan negara untuk ke Napoli pada pagi 23 Jun lalu, kira-kira 14 jam selepas mengejutkan seluruh negara dengan pengumumannya untuk meletakkan jawatan.

Perdana Menteri berlepas pulang ke tanah air dari Lapangan Terbang Nice Cote d'Azur, Perancis pada kira-kira pukul 1 tengah hari semalam (8 malam tadi waktu Malaysia).